



SEBAHAGIAN peserta bergotong-royong menceriaikan pondok pusat pembelajaran bermaklumat.



SEBAHAGIAN pelajar UMS yang menyertai program bergambar kenangan di SK. Tidung Tabin.



PELAJAR bersama Dr. Khalid (berdiri lima dari kiri).

# Program 'outreach' siswa UMS bantu pendidikan masyarakat luar bandar

OLEH MARUTIN ANSIUNG  
(marutin@newsabahtimes.com.my)

**KINABATANGAN:** Kira-kira 30 pelajar yang mengikuti Program Pengajian Sarjana Pendidikan Dengan Sains Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program Outreach 'Scaling up Education In Community', di Sekolah Kebangsaan Tidung Tabin baru-baru ini.

Program turut disertai pelajar Sarjana Muda Pendidikan sebagai kumpulan sukarelawan dalam menayakan program membabitkan pelajar dan penduduk berdekatan.

Program yang dijalankan selama 4 hari mendapat sambutan di luar jangkaan apabila lebih 70 penduduk terdiri ibu bapa pelajar berdekatan sekolah, hadir menyertai semua aktiviti yang dijalankan dengan penuh harmoni.

Pengerusi Program, Dr Khalid Johari, berkata usaha mewujudkan sebuah pondok sebagai pusat pembelajaran bermaklumat perlu bagi memastikan semua maklumat semasa diketahui umum, khususnya berkaitan pendidikan.

Katanya, disebabkan kekurangan bilik darjah, maka sekolah dibantu menjadikan salah sebuah pondok sedia ada dinaiktaraf daripada lantai tanah kepada konkrit, agar lebih menarik dan selesa untuk semua pelajar dan pendidik serta penduduk yang ingin mengetahui maklumat terkini.

Khalid yang juga Pensyarah kursus Teori dan Model Perkembangan Kurikulum, berkata aktiviti itu merupakan amal bakti siswa, bertujuan membantu masyarakat luar dalam menjana pembangunan pendidikan.

Katanya, sebahagian peserta adalah guru dan bakal guru pada masa akan datang wajar mendapat pendedahan sepenuhnya berhubung peranan dan tanggungjawab sebagai warga pendidik dalam membantu pelajar menambah kemahiran pengajaran dan pembelajaran.

Justeru itu katanya, penyertaan masyarakat kampung dalam semua aktiviti yang dijalankan di luar dugaan kerana lokasi penempatan yang jauh dan terpencil tetapi mampu hadir dan berkampung selama 4 hari di sekolah. Justeru itu, katanya sambutan yang membanggakan di kalangan penduduk kampung Tidung Tabin, Ladang Tomang-gong dan Kampung Litang menjadi mercu tanda berlaku perubahan besar dalam arus pembangunan pendidikan luar bandar.

"Saya yakin melalui pelbagai program seumpama ini yang telah dan sedang dirancang untuk dilaksanakan akan memberi kesan yang besar terhadap kemajuan bidang pendidikan serta membantu UMS meraih hasil yang positif melalui program bakti siswa di luar bandar," katanya.

Katanya, sambutan dan penyertaan penduduk terhadap semua aktiviti amat membanggakan dan sekaligus membuktikan masyarakat di ceruk pedalaman, mula cintakan ilmu pendidikan dan berlaku proses perubahan minda yang mementingkan pendidikan, berbanding sebelum ini, khususnya membabitkan penglibatan ibu bapa dan pelajar di luar bandar.

"Program 4 hari ini, memberikan impak dua hala antara mahasiswa UMS dengan masyarakat luar bandar yang memerlukan dorongan dan penyampaian maklumat pendidikan secara mendalam, untuk membantu pelajar mendapatkan sumber pendidikan sebanyak mana yang boleh," katanya.

Rombongan yang diketuai oleh Pengarah Program, Ruslan Mapeala, disambut oleh warga pendidik diketuai Guru SK Tidung, Tabin, Nordin Lampingai, setibanya diperkarangan sekolah kira-kira jam 8.30 malam.

Ruslan berkata, pengalaman melalui jalan perhubungan lebih 12 jam dalam perjalanan, untuk sampai ke SK Tabin Kinabatangan menggunakan kenderaan pacuan empat roda, menaiki feri dan menyusuri jalan ladang kelapa sawit amat mencabar kesabaran dan ketahanan fizikal serta mental peserta.

Pada masa sama, katanya pelbagai aktiviti diadakan membabitkan pelajar dan masyarakat kampung sepanjang program berlangsung. Antaranya suai kenal antara peserta dan pelajar serta warga pendidik, program masuk kampung mempelajari adat resam, gotong-royong amal bakti, ceramah dan aktiviti berkonsepkan pendidikan bagi membantu kemahiran pelajar dalam Mata-pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan unsur pembelajaran Sains.

Majlis diwarnai lagi dengan persembahan kebudayaan tradisi masyarakat tempatan dan pelajar, dalam usaha merealisasikan gagasan Malaysia dengan bertukar-tukar seni budaya dengan matlamat kea rah perpaduan pelbagai kaum di negara ini.

Bagi keseimbangan maklumat, golongan penduduk juga berpeluang menghadiri ceramah pem-



SEBAHAGIAN penduduk kampung yang hadir mendengar ceramah pendidikan.



SEBAHAGIAN pelajar yang menyertai program rekreasi minda UMS.



ROMBONGAN tiba di SK Tidung Tabin.

bangunan ekonomi dalam bidang perikanan dan pekerjaan sebagai nelayan, daripada agensi Ko-Nelayan Sandakan.

Sempena program itu, diadakan ceramah peluang melanjutkan pelajaran ke IPTA yang memfokuskan kepada membuka minda ibu bapa untuk mendorong anak berjaya dalam pelajaran seterusnya melanjutkan pelajaran ke manara gading seiring dengan pelajar lain khususnya di bandar yang banyak kemudahan asas.

Dalam pada itu, berucap di majlis perasmian dan penutupan, Guru Besar SK Tidung Tabin, Nordin Lampingai berkata semua peserta telah menimba banyak pengalaman dan berharap

menggunakan pengalaman untuk memantapkan wibawa sebagai seorang pendidik.

Katanya, tugas pendidik amat luas termasuk menjadi penyampai dasar dan misi kerajaan untuk memastikan semua lapisan masyarakat berhak mendapat pendidikan sewajarnya.

"Justeru itu saya percaya dengan pendedahan yang diberikan kepada peserta telah dapat mengasah bakat, memberi cabaran bahawa tugas dan perana pendidik tidak terhad dibilik darjah malah lebih luas termasuk menjadi ibu dan bapa kepada pelajar di sekolah melalui didikan yang dedikasi dan sempurna.